

Coca-ColaKU Via KPDNKK Rancangan Keusahawanan Mahasiswa

Unit Komunikasi Korporat

Wed 11/1/2017 4:24 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



1 NOVEMBER 2017 / 12 SAFAR 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

COCA-COLAKU VIA KPDNKK RANCAKKAN KEUSAHAWANAN MAHASISWA



UUM ONLINE: Seramai 1,000 peserta memeriahkan Coca-ColaKU (Komuniti Usahawan) via KPDNKK, sekali gus merencanakan agenda keusahawanan yang berlangsung di Dewan Tan Sri Othman, baru-baru ini.

Pengarah Eksekutif CEDI, Dr. Mohd Najib Mansor berkata, program itu menyediakan latihan keusahawanan melalui perspektif MNC dalam menjalankan perniagaan di peringkat mikro, kecil dan sederhana.

Ulasnya, program pertama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan kerjasama Multinational Company (MNC) Coca-Cola Malaysia itu mendapat sambutan hangat daripada pelajar dan usahawan.

"Matlamat program ini supaya peserta yang diberikan latihan dapat memulakan perniagaan mereka sendiri mengikut asas perniagaan dan merancang strategik perniagaan yang betul.

"Selain itu, sebagai perkongsian ilmu berkenaan pengurusan perniagaan secara sistematik menurut pandangan MNC - Coca Cola serta memupuk minat, kesediaan diri dan perniagaan," katanya.

Jelasnya, Coca-ColaKU Via KPDNKK juga memperkukuhkan kemahiran secara hand-on ke arah meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan, penyampaian serta memahami strategi perniagaan seperti promosi, bekalan dan sasaran pasaran.

Ujarnya, modul yang disediakan seperti memulakan perniagaan baru, pengurusan akaun dan stok yang efektif, mengurus kewangan dan pendapatan serta mengurus kualiti dan perkhidmatan.

"Sebagai bonus, pendedahan terhadap memahami perniagaan yang sebenar, merangka pelan perniagaan serta penerapan idea bagaimana untuk melebarkan sayap perniagaan turut diberi perhatian.

Tambahnya, modul digarap dengan kaedah yang lebih komprehensif melalui Buku Kit Latihan Perniagaan yang disediakan khusus kepada peserta dan pihak kementerian menyediakan modul berkenaan pendaftaran perniagaan, promosi dan etika perniagaan.

"Program ini diharap dapat membangunkan masyarakat, meningkatkan pendapatan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan," luahnya.

Manakala, sesi pitching turut diadakan pada keesokan harinya yang dihadiri usahawan siswa UUM yang telah dikenalpasti oleh CEDI berpotensi untuk dibangunkan.

Usaha ini sebagai salah satu lonjakan bagi menyokong perkembangan Peniaga Kecil Sederhana (PKS) yang meliputi pelbagai lapisan dan sokongan terhadap susulan program Coca-ColaKU via KPDNKK ini.

Sejak siri jelajah bermula pada 29 April 2017 di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) sehingga 28 Oktober 2017 di UUM seramai 12,700 peserta telah mendapat manfaat daripada program tersebut.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
 ☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
 📞 04-928 3053
 ✉ ukkuum@uum.edu.my
 📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.